

## **Pekebun degil berkeras guna bahan terlarang**

Penggunaan racun perosak terlarang dalam aktiviti pertanian di kawasan tanah tinggi Cameron Highlands memang berlaku sejak dulu lagi walaupun pelbagai kempen kesedaran dilaksanakan kepada pekebun.

Setiausaha Pertubuhan Pekebun Sayur-Sayuran Cameron Highlands Chay Ee Mong berkata, pihaknya sudah melaksanakan pelbagai kempen kepada pekebun, namun masih ada yang berdegil menggunakan racun terlarang itu.

“Memang penggunaan racun tidak dapat dielakkan oleh pekebun, namun kami sentiasa ingatkan kepada mereka supaya ikut label yang ditetapkan dan jangan guna racun terlarang.

“Tetapi, ada yang masih berdegil. Kita tidak boleh buat apa, kita sudah buat seminar, kempen dan sebagainya, namun mereka masih guna juga,” katanya

ketika dihubungi, di sini, semalam.

Chay berkata demikian ketika mengulas laporan Harian Metro semalam mengenai ancaman masalah kesihatan serius dalam jangka masa panjang kepada penduduk kawasan tanah tinggi itu berikutan penggunaan racun perosak terlarang dalam aktiviti pertanian sejak dua dekad lalu.

Sekumpulan penyelidik dari Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) yang melakukan kajian sejak 2014 menemui sembilan jenis sisa racun perosak organoklorin (OCPs) diharamkan di dua sungai utama di Cameron Highlands iaitu Sungai Bertam dan Terla serta air paip terawat.

Di samping itu, Chay berkata, faktor cuaca yang tidak menentu ketika ini turut menyebabkan penggunaan racun menjadi berlebihan daripada biasa.